

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**  
**[ SUNGAI SIPUT ]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 7**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan menaik taraf Sekolah Kebangsaan Sungai Siput bagi keperluan tambahan bilik darjah kerana kepadatan pelajar yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan penelitian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pada masa kini tiada keperluan mendesak bagi cadangan naik taraf dan pembinaan bangunan tambahan di Sekolah Kebangsaan Sungai Siput. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Kebangsaan Sungai Siput mempunyai enrolmen berjumlah 651 orang murid dengan 23 bilik darjah. Sehubungan itu, nisbah kelas dengan murid iaitu 1:29 di sekolah tersebut masih berada di bawah tahap optimum.

Selain itu, KPM juga telah mengambil kira taburan sekolah sedia ada dalam perancangan pembinaan bangunan tambahan tersebut. Didapati terdapat tiga (3) buah sekolah kebangsaan (SK), tiga (3) buah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) dalam jarak di antara 800 meter hingga 7.5 km dari sekolah tersebut. Semua sekolah tersebut beroperasi di bawah kapasiti optimum dan masih mampu menampung permintaan penduduk dan keperluan pendidikan murid di kawasan berkenaan.